
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Kolej Teknologi Pulau

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

YBP 224 – Perhubungan Awam

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SOALAN NO. 1** yang diwajibkan dan mana-mana **SATU** soalan lain.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

...2/-

1. Jawab lima [5] soalan-soalan di bawah:
 - [a] Bezakan perhubungan awam dengan periklanan dan pemasaran.
 - [b] Jelaskan peringkat evolusi perhubungan awam antarabangsa.
 - [c] Berikan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi perhubungan awam kepada pelanggannya.
 - [d] Nyatakan lapan langkah dalam perancangan dan pengaturcaraan proses perhubungan awam.
 - [e] Berikan empat alat atau saluran publisiti.
 - [f] Jelaskan media terkawal dan tidak terkawal.
 - [g] Terangkan jenis-jenis siaran media dan berikan contoh kegunaannya.
 - [h] Terangkan soalan-soalan yang perlu dijawab oleh pengamal perhubungan awam sebelum membangunkan laman web organisasinya.
 - [i] Jelaskan tahap-tahap objektif yang ingin dicapai dalam langkah perancangan dan pengaturcaraan.
 - [j] Jelaskan faktor-faktor yang perlu difokaskan oleh pengamal perhubungan awam korporat untuk lebih berkesan.

2. Dalam satu kajian ke atas eksekutif perhubungan awam (Cutlip, Center & Broom 2000: 53) mendapati faktor kemahiran, pengetahuan, keupayaan dan kualiti membantu kejayaan mereka dalam profesion perhubungan awam. Jelaskan faktor-faktor tersebut dan terangkan bagaimana ia membantu aspek-aspek berikut:
 - [a] Bidang tugas pengamal perhubungan awam.
 - [b] Peranan pengamal perhubungan awam.

3. Anda adalah seorang eksekutif perhubungan awam sebuah agensi perunding perhubungan awam. Berdasarkan proposal anda, agensi anda telah dipilih oleh pelanggan untuk menjalankan program perhubungan awam bagi menyelesaikan masalah mereka. Walau bagaimanapun pelanggan anda mencadangkan untuk menggugurkan komponen penyelidikan dalam proposal tersebut atas alasan mereka dapat berjimat dari segi masa dan wang sekiranya penyelidikan tidak dijalankan. Apakah hujah-hujah anda untuk menyakinkan pelanggan tersebut bahawa komponen penyelidikan itu adalah penting dalam perhubungan awam. Jawapan anda juga boleh menyentuh penyelidikan formatif dan sumatif.